



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 20 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RERUAI JUALAN, PAMERAN TEMPATAN BERMULA JUMAAT INI, DALAM NEGERI, UM-7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	SUSTAINABLE WAY TO CREATE FERTILE LAND, NATIONAL, THE SUN-6	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	MFM SEDIA RM215 JUTA KUKUH KILANG TEPUNG, PERNIAGAAN TERNAKAN AYAM, BISNES, BH-23	LAIN-LAIN
4.	LEMBU 'SADO' DIJUAL MENCECAH RM22,500 SEMPENA AIDILADHA, DALAM NEGERI, UM-29	
5.	PERMINTAAN PROPOLIS BERGANDA SELEPAS PENULARAN HFMD, NEGARA, KOSMO-14	
6.	UPM DEVELOPS COST-EFFECTIVE ANIMAL FEED OPTION, NATIONAL, THE SUN-6	
7.	TEKNOLOGI BIO SISA MAKANAN JANA PENDAPATAN KOMUNITI KEBUN, NEGERI, SH-24	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

20/5/2025

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

7

## Reruai jualan, pameran tempatan bermula Jumaat ini

**PETALING JAYA:** Sebanyak 36 reruai melibatkan 25 pempamer tempatan akan menyertai acara jualan dan pameran sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bermula Jumaat hingga Selasa depan.

Wisma Putra dalam satu kenyataan berkata, acara bertemakan 'The Heritage Malaysia' itu membawa gabungan elemen warisan dan teknologi menerusi pameran produk tempatan, inovasi digital serta perkhidmatan

agensi kerajaan.

"Antara pengisian menarik yang disediakan termasuk demonstrasi mekatronik, benang emas, penggunaan dompet digital secara langsung, pameran krafangan tempatan, serta paparan video dan papan digital interaktif," katanya.

Mengulas lanjut, pengujung akan disajikan dengan persembahan kebudayaan oleh artis berkeupayaan khas serta persembahan dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Katanya, reruai jualan dan

pameran tersebut akan dibuka kepada umum dari Jumaat hingga Ahad ini, manakala dibuka kepada delegasi ASEAN dari 26 hingga 27 Mei.

"Acara ini akan melibatkan empat kategori utama iaitu krafangan, makanan dan minuman, agensi kerajaan serta syarikat korporat.

"Antara agensi kerajaan yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Jabatan Penjara Ma-

laysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)," katanya.

Tambahnya, peluncuran produk tempatan oleh Tiffin Jiwa dan Sesi Cerita Komuniti dijadualkan pada 24 Mei, manakala promosi dan uji rasa produk tuma oleh KPKM pula akan berlangsung pada 25 Mei.

"Beberapa syarikat swasta dan jenama tempatan yang turut serta termasuk Shopee, Old Town White Coffee, Grab, Gin-tell, Batik Boutique dan Inside Scoop, bagi mempamerkan rang-

kaian produk kreatif serta inovatif mereka," katanya.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 ini menyaksikan 10 pemimpin negara anggota blok serantau bagi memperkukuh kerjasama ekonomi, selain membincangkan pelbagai isu strategik bagi pembangunan mampan.

Dalam masa yang sama, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC (Majlis Kerjasama Teluk) edisi kedua dan Sidang Kemuncak Ekonomi ASEAN-GCC-China turut berlangsung secara serentak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2025	BERITA HARIAN	BISNES	23

## MFM sedia RM215 juta kukuh kilang tepung, perniagaan ternakan ayam

**Malayan Flour Mills Bhd** (MFM) memperuntukkan RM215 juta untuk perbelanjaan modal (CAPEX) tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (FY2025), bertumpu kepada pengukuhan segmen pengilangan tepung serta perniagaan integrasi ternakan ayam.

Daripada jumlah itu, RM55 juta diperuntukkan kepada Flour and Grain Trading (FGT) bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran serta kecekapan operasi kilang, manakala RM160 juta lagi khusus untuk memperkukuh perniagaan ternakan ayam bersepadu.

Sebahagian daripada peruntukan itu, RM20 juta, digunakan untuk projek automasi di kilang Lumut dan Pasir Gudang bagi mengurangkan kebergantungan tenaga buruh serta meningkatkan mutu dan kecekapan produk.

Di Vietnam pula, MFM akan melabur tambahan RM34 juta, termasuk RM21 juta untuk peningkatan kapasiti dan naik taraf fasiliti kilang serta RM13 juta untuk pembinaan silo tepung dan kemudahan pengadunan di wilayah selatan.

Baki RM160 juta CAPEX pula akan disalurkan ke segmen Integrasi Ternakan Ayam (PI), de-

ngan RM100 juta digunakan bagi pengembangan dan naik taraf infrastruktur penternakan seperti pembinaan ladang induk dan penetasan anak ayam.

RM60 juta lagi untuk kerja naik taraf ladang sedia ada serta meningkatkan produktiviti serta kecekapan rantaian bekalan.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan MFM, Teh Wee Chye berkata, pelaburan ini amat penting bagi memperkukuh kapasiti pengeluaran serta kecekapan operasi untuk memenuhi permintaan pasaran di Malaysia dan Vietnam.

“Kami optimistik dengan prestasi kukuh perniagaan di kedua-dua pasaran ini. Pelaburan dalam automasi dan pengembangan kapasiti ini tepat pada masanya untuk memenuhi permintaan masa depan,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan Malayan Flour Mills Bhd.

MFM mencatat keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI) sebanyak RM58.1 juta pada FY2024 berbanding kerugian bersih (LATMI) RM6.7 juta pada tahun sebelumnya, didorong prestasi kukuh segmen FGT Malaysia dan Vietnam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA SURAT
20/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

## Lembu 'sado' dijual mencecah RM22,500 sempena Aidiladha

**LIPIS:** Minat mendalam terhadap bidang penternakan mendorong seorang bekas pekerja lombong emas di Kampung Relong di sini meninggalkan kerjaya itu dan kini mengusahakan ladang lembu 'sado'.

Pemilik Farm And TT Zhent-farm, Nurhaffiz Mohamed, 31, berkata, dia menceburi bidang ternakan empat tahun lalu dengan hanya tiga ekor lembu baka Kedah-Kelantan (KL).

"Dua tahun kemudian saya berjinak-jinak memelihara lembu sado. Kini, saya memiliki lebih 10 ekor lembu baka sado yang bersaiz besar seperti *Charolais*, *Simmental* dan *Brahman*," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Nurhaffiz berkata, keputusan meninggalkan kerjaya dalam industri perlombongan bukan sesuatu yang mudah, namun berbaloi demi minat dan masa depan yang lebih stabil.

"Saya bernasib baik kerana memiliki tanah sendiri untuk membina kandang dan menanam rumput minyak sebagai makanan lembu. Malah,


Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Relong turut menyewakan tanah untuk saya menanam rumput napier," katanya.

Menurut, kos pengurusan ladang lembu bukan sesuatu yang kecil apabila perlu memperuntukkan antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan untuk makanan, ubat-ubatan dan bayaran pekerja.

"Menjelang Hari Raya Aidiladha ini, saya sedia menjual lembu sado dari pelbagai baka dengan harga antara RM14,000 hingga RM22,500 seekor. Ia bergantung umur, saiz dan kondisi fizikal," katanya.

Menurutnya, keistimewaan lembu sado adalah pada tekstur dagingnya yang lebih lembut dan enak berbanding lembu kampung, menjadikannya pilihan utama untuk ibadah korban serta perniagaan daging premium.

"Kami juga sedang mencuba pelbagai kaedah kacukan baka (*crossbreed*) untuk menghasilkan baka lebih berkualiti dan sesuai dengan permintaan pasaran," katanya.



**NURHAFFIZ** Mohamed memberi makan kepada lembu sado miliknya di Kampung Relong di Lipis, Pahang. - UTUSAN/  
NORFARHIZA MOHD ATAR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2025	KOSMO	NEGARA	14

## Permintaan propolis berganda selepas penularan HFMD

**REMBAU** – Seorang pengusaha kelulut di Kampung Batu 17 Chembong, di sini, tidak menyangka permintaan propolis dalam kalangan masyarakat setempat serta luar.

Pengusaha berkenaan, Nor Affendi Mustafa, 36, berkata, ini berikutan orang ramai sudah mengetahui manfaat propolis berkenaan sebagai satu rawatan bagi penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) khususnya buat kanak-kanak.

Menurut pengusaha Kelulut Warisan sejak tahun 2011 itu, permintaan tersebut mulai meningkat sejak setahun lalu dan dia kini hanya mampu menyediakan sekitar 200 botol untuk dijual setiap bulan.

"Kantung madu ini diperbuat daripada propolis, propolis ini asalnya daripada getah pokok yang diambil oleh kelulut. Getah pokok mangga, kuinin, bacang semua dia (kelulut) ambil, dia akan buat sarang ni.

"Propolis yang dijual adalah kantung madu ini sahaja yang ada nilai perubatan. Harga pasaran propolis dalam satu kilogram pula sekitar RM200," katanya ketika ditemui di Ladang Kelulut Warisan, di sini semalam.

Kata Nor Affendi lagi, dia tidak sangka perniagaan yang bermula dengan tiga sangkar atau rumah



**NOR AFFENDI menunjukkan kantung madu ketika ditemui di Ladang Kelulut Warisan di Rembau semalam.**

kelulut sahaja untuk kegunaan arwah ibunya, Noraini Abu Bakar yang meninggal dunia pada Oktober 2015 akibat tumor di kepala menjadi pembuka rezekinya.

"Alhamdulillah, berkat menjaga ibu, saya nekad untuk meluaskan lagi perniagaan ini dan kini mempunyai kira-kira 180 sarang kelulut di empat lokasi iaitu di

Chembong, Mampong, Pedas dan Pulau Mampat.

Kata bapa kepada tiga orang cahaya mata perempuan itu, selain madu kelulut dan propolis, dia juga menjual beberapa produk hiliran dari kelulut seperti sabun serta menawarkan khidmat rumah kelulut termasuk penghantaran.

TARIKH	MEKLA	KUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2025	THE SUN	NATIONAL	6

# Sustainable way to create fertile land

**KUALA LUMPUR:** For the past nine years, tending a small vegetable garden in the capital has brought benefits to residents of a B40 community, while also helping to change the negative perception often linked with low-cost public housing.

Spread over a 0.2ha plot behind the Seri Sabah flats in Cheras, the community-run urban farm has successfully revitalised an abandoned area, turning it into a thriving green space that provides residents with free vegetables.

However, the rising cost of fertilisers and pesticides in recent years has affected the sustainability of the project and impacted its yield.

Previous efforts to produce compost from food waste took too long, forcing the residents to rely on commercial fertilisers.

However, the residents can now breathe a sigh of relief as the MunchBot composting technology has helped them speed up compost production, allowing their urban garden to thrive sustainably without dependence on costly fertilisers.

## Residents tending small community urban farms receive 'quick-compost' machines to boost yields

MunchBot is a portable composter that turns food scraps into nutrient-rich compost.

Seri Sabah 3A Residents Association chairman Raja Rahim Raja Muhaiddin said the technology also supports the cultivation of safer organic vegetables, aligning with the community's efforts to obtain MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices) certification from the Agriculture Department.

"To get a good harvest, the plants need to be fertilised properly. Normally, we buy fertiliser every week, and a 25kg bag costs about RM300. We also receive some aid from the Agriculture Department.

"We've tried making our own compost but the process took months. Then, we were introduced to MunchBot. Using this (method) is very cost-effective. It also helps

reduce (the amount of) food waste going to landfills," he told Bernama.

Taking only 24 hours to turn food waste into compost, compared with the usual two months, the MunchBot technology was made available to the Seri Sabah community under the Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corp) community outreach programme. A total of 45 participants of the community gardens at Seri Sabah flats and PPR Desa Rejang in Setapak are involved in the programme, which is a strategic collaboration between Bioeconomy Corp and composting and food waste management experts Maeko Sdn Bhd.

Bioeconomy Corp Industry Support Division senior vice-president Nora Mohamed said the initiative not only ensures

crops are free from synthetic chemical residues but also enhances soil fertility.

"It also guarantees the continuity of local food sources. Manual composting is encouraged as a daily practice at home to raise awareness and encourage active community involvement in environmental care."

She said three MunchBot composting machines, each with a capacity of five kilogrammes, were supplied to the participating communities, which also received 12 months of comprehensive training in sustainable food waste management.

Nora added that through the use of the composting technology, the participating residents may also earn additional income by selling compost and crops, with the potential to derive up to RM450 per month.

"For every 450kg of food waste processed, up to 90kg of high-quality compost can be produced," she said, adding that the community outreach programme aligns with the National Biotechnology Policy 2.0 and the aspirations of the Science, Technology and Innovation Ministry.

## UPM develops cost-effective animal feed option

**KUALA LUMPUR:** Malaysia's heavy reliance on imported animal feed is among the biggest challenges faced by its livestock industry in supplying affordably-priced meat to the public.

The rising prices of major grains such as corn and soybeans – the main components of monogastric animal and ruminant feeds – which are entirely imported from countries like Argentina, Brazil and the United States, have increased livestock farming operational costs as feed make up more than 60% of expenditures.

The dependence on imported feed is no longer sustainable for the country, especially as the global market becomes increasingly uncertain due to factors such as supply chain disruptions caused by climate change and global political instability.

The urgent need for a cheaper and more sustainable local alternative has led researchers to conduct multiple studies, and one that has gained attention is sorghum, a hardy cereal grain crop capable of withstanding extremely hot and dry weather.

According to studies conducted by Universiti Putra Malaysia (UPM), the use of sorghum as animal feed has shown very positive results as its protein and energy content is comparable to that of corn.

Sorghum can be used in two forms – as grain or fodder. However, its grain contains tannins, which are astringent compounds that can impair digestion, making it less suitable for monogastric livestock such as poultry.

However, UPM has successfully developed the Putra SB2 sorghum variety, which has abundant leaves and high levels of carbohydrates and sugars, making it suitable for use as fodder for ruminant livestock such as cattle and goats and as a replacement for Napier grass.

Fodder refers to animal feed such as corn, grasses and plant-based proteins that are specially formulated to meet the nutritional needs of animals, whether in dry, fresh or pellet form.

In a recent interview with Bernama, UPM sorghum fodder lead researcher Dr Nazatul Shima Naharudin said the variety developed by her team offers several advantages over corn and Napier grass, one of which is its low water requirement.

"Unlike corn, Putra SB2 can regrow up to three times without needing the soil to be ploughed again after each harvest. This directly reduces farm management costs and saves time.

"So, Putra SB2 can be seen as a sustainable local solution. It is also more stable in terms of



Nazatul said Putra SB2 can be harvested as early as 60 days after planting, compared with the 90 days required for corn. – BERNAMAPIC

costs," said Nazatul, who is also an associate researcher at the UPM Institute of Tropical Agriculture and Food Security (ITAFoS).

She added that Putra SB2 can be harvested as early as 60 days after planting, compared with the 90 days required for corn.

"This allows for faster crop rotation and more efficient land use. From an agronomic standpoint, the Putra SB2 sorghum variety can also thrive with minimal fertiliser input. In terms of yield per hectare, Putra SB2 can produce nearly 70 tonnes per hectare," she said.

ITAFoS director Prof Dr Anjas Asmara Samsudin pointed out the need for farmers to be

given knowledge and training in sorghum cultivation and management.

"Our innovation also aligns with government policy to strengthen national food security through increased local production. We cannot be overly dependent on imported animal feeds as it makes our industry vulnerable to external crises like wars or pandemics," he said.

Anjas added that although the benefits of sorghum are clear, there are still some challenges in adopting it as a primary fodder crop in the country.

"One of the challenges is the attitude of farmers, who are reluctant to switch to another

fodder crop. They are more comfortable using corn because they are already familiar with it.

"Sorghum requires a slightly different management technique, which can be a barrier for farmers who are less exposed to the new technology," he said.

Another issue is the availability of sorghum seeds in the local market.

He said to overcome this, the government and agricultural agencies need to provide more support, such as supplying quality seeds to farmers, offering them training and providing financial incentives to expand the use of sorghum. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

## Teknologi bio sisa makanan jana pendapatan komuniti kebun

**SHAH ALAM** - Usaha menangani isu sisa makanan di Malaysia kini mendapat suntikan baharu melalui kaedah Pengkomposan Sisa Makanan berasaskan teknologi bio di bawah Program Kembara Komuniti Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation).

Kaedah yang memupuk amalan kelestarian alam sekitar melalui pendekatan ekonomi kitaran tertutup itu dilaksanakan secara kerjasama strategik antara Bioeconomy Corporation dan syarikat berasaskan bio dan pakar sisa makanan, MAEKO Sdn Bhd (MAEKO).

Naib Presiden Kanan Bahagian Sokongan Industri Bioeconomy Corporation, Nora Mohamed berkata, program berkenaan membabitkan seramai 45 peserta dari Komuniti Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah dan Komuniti Kebun Agro Desa Rejang.

Menurut, tiga mesin kompos MunchBot berkapasiti lima kilogram (kg) setiap satu dibekalkan untuk kegunaan kedua-dua komuniti tersebut selain pesertanya diberikan latihan menyeluruh selama 12 bulan mengenai amalan pengurusan sisa makanan secara lestari.

"Peserta komuniti mampu mengitar semula sisa makanan dan menghasilkan kompos berasaskan bio dalam tempoh hanya 24 jam, jauh lebih pantas berbanding kaedah konvensional yang memerlukan 60 hari atau lebih.

"Setiap 450kg sisa makanan yang diproses boleh menghasilkan sehingga 90kg baja kompos berkualiti tinggi," katanya ketika meninjau sesi penerangan dan latihan program di Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah di Jalan Cheras di sini baru-baru ini.

Nora menambah, peserta turut berpeluang menjana pendapatan tambahan dengan menjual baja kompos dan hasil tanaman mereka.

"Hasil pengurusan yang berkesan, peserta berpotensi meraih pendapatan sebanyak RM450 sebulan daripada usaha berkenaan," katanya.

Beliau berkata, program tersebut menyumbang secara langsung kepada pengurangan sisa makanan, mengurangkan kebergantungan kepada baja kimia serta memastikan penghasilan tanaman yang segar, selamat dimakan dan bebas daripada residu kimia sintetik.

Selain itu, Nora menjelaskan, penghasilan kompos secara manual turut digalakkan sebagai amalan harian di rumah masing-masing, sekali gus dapat memupuk kesedaran dan penglibatan aktif komuniti terhadap penjagaan alam sekitar.



Nora (kanan) bersama peserta Program Kembara Komuniti - Pengkomposan Sisa Makanan menunjukkan mesin MunchBot.